



Anwar menerima kunjungan hormat Lavrov di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

# Malaysia mohon jadi anggota BRICS

## PM turut bincang hasrat ketika terima kunjungan Menteri Luar Russia

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia sudah menghantar surat permohonan untuk menyertai organisasi antara kerajaan BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan) kepada Russia selaku Pengerusi BRICS.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan memaklumkan hasrat Malaysia menyertai organisasi BRICS itu inti pati utama perbincangan Anwar dengan Menteri Luar Russia, Sergey Lavrov yang melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri di Kompleks Seri Perdana, semalam.

"Malaysia telah menghantar surat permohonan untuk menyertai organisasi (BRICS) kepada Russia selaku Pengerusi BRICS, selain menyatakan keterbukaan untuk menyertainya sebagai negara anggota atau rakan strategik," menurut kenyataan itu di sini, semalam.

Pada 18 Jun, Anwar mengesahkan hasrat Malaysia menyertai BRICS kepada Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva.

BRICS yang merangkumi Brazil, Russia, India dan China ditubuhkan pada 2009 sebagai platform kerjasama untuk ekonomi dan sedang pesat membangun.

Afrika Selatan kemudian menyertai blok itu pada 2010, sebelum disertai Mesir, Ethiopia, Iran dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

BRICS kini menyumbang satu perempat daripada ekonomi global, merangkumi satu perlima daripada perdagangan global dengan populasi sekitar 40 peratus penduduk dunia.

Terdahulu, ketibaan Lavrov dan delegasi pada jam 10 pagi di Kompleks Seri Perdana disambut Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

### Perluas kerjasama dua negara

Yang turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir Zambry

Dalam pertemuan hampir sejam itu, Anwar dan Lavrov juga membincangkan usaha perku-

kuh hubungan Malaysia-Russia serta memperluas kerjasama dalam pelbagai sektor meliputi perdagangan, pelaburan, keselamatan, pertahanan, pendidikan tinggi, sains dan teknologi, pelancongan dan kebudayaan.

Turut dibincangkan ialah situasi semasa di Palestin termasuk penegasan Malaysia mengenai keperluan mendesak untuk gencatan senjata kekal dan bantuan kemanusiaan pantas di Gaza serta Palestin diterima sebagai ahli penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Selain itu, mengenai Ukraine, Anwar turut menggesa agar dialog dan perbincangan menjadi jalan keluar kepada konflik berkenaan. BERNAMA